

## TERMA DAN SYARAT “KEMPEN KAD DEBIT 10-FOR-10”

### TEMPOH KEMPEN

Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) [“Bank”] “**Kempen Kad Debit 10-FOR-10**” (“**Kempen**”) bermula pada 05 Oktober 2020 jam 00:00:00 (12:00 pagi) dan berakhir pada 31 Disember 2020 jam 23:59:59 (11:59 malam) termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), kecuali diberitahu sebaliknya.

### TERMA & SYARAT (“T&S”)

Berikut adalah terma dan syarat yang ditetapkan bagi Kempen (“**T&S**”):

### KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen ini terbuka secara eksklusif bagi pemegang Kad Debit-i Bank (yang selanjutnya disebut sebagai “**Kad Debit-i**”) yang terpilih yang telah menerima jemputan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan/atau komunikasi langsung e-mel (EDM) dari Bank bagi Kempen ini (“**Pelanggan Terpilih**”).
2. Pelanggan Bank yang tidak menerima perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dan/atau komunikasi langsung e-mel (EDM) dan/atau jemputan Pemberitahuan *Connect Push* dari Bank DIKECUALIKAN dari menyertai Kempen ini (“**Pelanggan Tidak Dipilih**”).
3. Pelanggan Terpilih berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
  - a) Pelanggan yang memiliki Kad Debit-i yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
  - b) Pelanggan yang mempunyai Kad Debit-i dan Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i (“**CASA-i**”) yang tidak berada dalam keadaan yang baik, tidak aktif, terikat kepada CASA-i yang telah ditutup atau tidak aktif atau yang melanggar terma dan syarat Bank yang berkenaan dengan Kad Debit-i dan/atau CASA-i pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen;
  - c) Pelanggan yang mempunyai Kad Debit-i tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen; dan/atau
  - d) Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah laku berkaitan kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau dikenakan sebarang proses muflis pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen.

### KAEDAH KEMPEN

4. Untuk mendapatkan pulangan tunai Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) (“**Pulangan Tunai**”) bagi Kempen ini, Pelanggan Terpilih MESTI membuat sekurang-kurangnya sepuluh (10) Transaksi yang Layak (seperti ditakrifkan di Klausula 10) dengan perbelanjaan minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10) bagi setiap Transaksi yang Layak dalam Bulan Kempen (seperti yang ditentukan di Klausula 10) (“**Pelanggan yang Layak**”).
5. Pulangan Tunai akan diberikan bagi setiap sepuluh (10) Transaksi yang Layak.

6. Pulangan Tunai bagi Pelanggan yang Layak dihadkan pada Ringgit Malaysia Seratus (RM100) setiap Bulan Tempoh Kempen dan dihadkan pada Ringgit Malaysia Tiga Ratus (RM300) sepanjang Tempoh Kempen.
7. Jumlah maksimum Pulangan Tunai yang diperuntukkan oleh Bank bagi Kempen ini dihadkan kepada Ringgit Malaysia Satu Juta Satu Ratus Tujuh Puluh Enam Ribu (RM1,176,000) sepanjang Tempoh Kempen ("**Had Pulangan Tunai**") atas dasar siapa-cepat-dia-dapat. Bagaimanapun, Pulangan Tunai tidak akan diberikan setelah Had Pulangan Tunai bagi setiap Bulan Kempen dicapai.
8. Had Pulangan Tunai dihadkan kepada Ringgit Malaysia Tiga Ratus Sembilan Puluh Dua Ribu (RM392,000) sebulan ("**Bulan Kempen**") seperti yang dinyatakan di bawah:

Bulan Kempen	05 – 30 Oktober 2020	01 – 30 November 2020	01 – 31 Disember 2020	Jumlah
Had Pulangan Tunai	RM392,000	RM392,000	RM392,000	RM1,176,000

9. Sekiranya berlaku seri, iaitu Pulangan Tunai telah mencapai Had Pulangan Tunai maksimum dan kriteria Kempen di Klausa 4 di atas telah dipenuhi oleh lebih dari satu (1) Pelanggan yang Layak pada tarikh dan waktu yang sama, Pelanggan yang Layak dengan jumlah perbelanjaan tertinggi sepanjang Bulan Kempen berhak mendapat Pulangan Tunai.
10. Untuk tujuan Klausa 5 di atas, "**Transaksi yang Layak**" adalah seperti yang berikut:
  - a) Transaksi pembelian runcit yang melalui pembelian point-sale (transaksi kad semasa) di mana-mana kedai runcit yang beroperasi di Malaysia dan dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM).
  - b) Transaksi pembelian runcit yang dilakukan melalui pembelian dalam talian (tidak ada transaksi kad) di mana-mana laman web e-dagang yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia (RM).
11. Transaksi yang Layak TIDAK TERMASUK perkara berikut:
  - a) Transaksi pembelian runcit yang melalui pembelian point-sale (transaksi kad semasa) di mana-mana kedai runcit yang beroperasi di luar Malaysia.
  - b) Transaksi pembelian runcit yang dilakukan melalui pembelian dalam talian (tidak ada transaksi kad) di mana-mana laman web e-dagang yang dilakukan dalam mata wang selain dari Ringgit Malaysia (RM);
  - c) Transaksi yang dikembalikan, dipertikaikan, tidak berjaya, disimpan, tidak dibenarkan, penipuan, atau tidak sah;
  - d) Pembayaran fi Bank Kad Debit-i / yuran tahunan / yuran pembaharuan;
  - e) Sebarang pembayaran berasingan; merujuk kepada tindakan mengasingkan (membahagi) jumlah pembayaran tunggal dan penuh dalam dua (2) atau lebih transaksi serentak yang dibuat dengan kaedah pembayaran yang berbeza.
12. Untuk mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai hanya akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak seperti huraian di bawah:  
Senario A

Bulan Kempen	Transaksi yang Layak	Pulangan Tunai	Kenyataan
Oktober 2020	10	RM10	Layak mendapat satu (1) Pulangan Tunai.
November 2020	8	0	Tidak layak mendapat Pulangan Tunai.
Disember 2020	50	RM50	Layak mendapat lima (5) Pulangan Tunai.
Jumlah	60	RM60	

**Senario B**

Bulan Kempen	Transaksi yang Layak	Pulangan Tunai	Kenyataan
Oktober 2020	3	0	Tidak layak mendapat Pulangan Tunai. Transaksi yang Layak tidak terkumpul sepanjang Tempoh Kempen.
November 2020	2	0	
Disember 2020	5	0	
Jumlah	0	0	

**Senario C**

Bulan Kempen	Transaksi yang Layak	Pulangan Tunai	Kenyataan
Oktober 2020	15	RM10	Layak mendapat satu (1) Pulangan Tunai setiap bulan.
November 2020	15	RM10	
Disember 2020	10	RM10	
Jumlah	30	RM30	

13. Transaksi yang Layak seperti yang dinyatakan di Klausa 9 berjaya dihantar dan terdapat dalam sistem Bank dan direkodkan dengan jumlah transaksi yang berkaitan yang berjaya didebitkan dari Akaun Sertaan Pelanggan yang Layak akan layak mendapat Pulangan Tunai.
14. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan / atau refleksi dalam Akaun Sertaan Pelanggan yang Layak mengenai Transaksi yang Layak yang relevan yang boleh mengakibatkan Pelanggan yang Layak tidak menerima Pulangan Tunai.
15. Bank akan mengesan Transaksi yang Layak Pelanggan yang Layak dari hari pertama (1) hingga hari ketiga puluh (30) setiap akhir Bulan Kempen. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke CASA-i Pelanggan yang Layak dari hari ketiga puluh satu (31) sehingga hari enam puluh (60) setaip akhir Bulan Kempen.
16. Pelanggan yang Layak TIDAK akan diberitahu secara langsung melalui SMS atau saluran komunikasi lain sama ada mereka layak mendapatkan Pulangan Tunai. Pelanggan yang Layak yang tidak menerima Pulangan Tunai dari hari ketiga puluh satu (31) hingga hari keenam puluh (60) pada akhir setiap Bulan Kempen dianggap tidak memenuhi syarat untuk Pulangan Tunai dan sebarang rayuan/permintaan untuk pembayaran balik Pulangan Tunai tidak akan dilayan oleh pihak Bank.

17. Setakat yang diizinkan oleh undang-undang, pihak Bank dikecualikan dari sebarang tanggungjawab dan semua liabiliti yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan pada butiran Pulangan Tunai atau keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah pihak Bank.

#### **UMUM**

18. Dengan mengikuti Kempen, Pelanggan Terpilih:
- mengesahkan dan mengakui telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan Terma dan Syarat Bank yang berkaitan dengan Kad Debit-i dan/atau CASA-i yang terdapat di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("**Laman Web Bank**");
  - bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang diambil oleh sistem Bank untuk tujuan Kempen adalah tepat dan muktamad;
  - bersetuju bahawa keputusan Bank berkenaan semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, tertakluk dan terikat kepada semua Pelanggan yang Layak;
  - bersetuju bahawa sebarang transaksi pembalikan akan dikecualikan dari Transaksi yang Layak;
  - bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai atau dalam sebarang bentuk;
  - bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank secara berkala untuk melihat T&S Kempen ini untuk memastikan bahawa mereka mengikuti perkembangan atau perubahan pada T&S;
  - mempersetujui dan memberi Kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nombor telefon kepada vendor pihak ketiga yang diberi kuasa, Infobip Asia Pacific Sdn Bhd [201001014145 (898379-U)] sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank untuk tujuan penghantaran SMS promosi Kempen ini ( sekiranya ada).
19. Pihak Bank berhak untuk:
- membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini. Khususnya, setiap Pelanggan yang Layak yang telah melakukan Transaksi dengan cara atau corak yang dianggap oleh Bank sebagai tidak normal, tidak teratur dan/atau menunjukkan adanya usaha untuk mendapatkan keuntungan yang tidak adil daripada Pelanggan yang Layak lain; dan
  - melucutkan dan/atau mendapatkan kembali Pulangan Tunai apabila terdapat Pembalikan Transaksi, jika berlaku, atau penamatan Kad Debit-i semasa Tempoh Kempen dan/atau pada saat pemberian Pulangan Tunai atau ketidakpatuhan pada T&S di sini;
  - menambah, memadamkan atau mengubah T&S ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau menghentikan Kempen ini, dengan cara menyiarkan di Laman Web Bank atau dengan kaedah lain yang dianggap praktikal oleh Bank, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada yang Pelanggan yang Layak.
20. Pihak Bank tidak akan ditanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penyerahan dan/atau proses transaksi penjualan oleh pihak MyDebit/ Mastercard, atau mana-mana pihak yang mengakibatkan Pelanggan yang Layak dibatalkan dari Kempen ini.
21. T&S ini terkaluk kepada dan terikat kepada undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

22. Sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dinyatakan di atas, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Bank yang berkenaan dengan [Kad Debit-i](#) Bank dan/atau [CASA-i](#) akan dibaca bersama T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sebarang percanggahan diantara T&S ini dengan Terma dan Syarat Bank, syarat khusus didalam T&S ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
23. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan promosi iklan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat di Laman Web Bank akan diutamakan.
24. Kata-kata yang menunjukkan satu jantina merangkumi semua jantina dan kata-kata tunggal merangkumi jamak dan sebaliknya.